

Nama Dokumen: Arahan Kerja Pembuatan Dentur Penuh
No. Dokumen: AK/PP/12
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuatkuasa: 16/10/2009

PROSES PENGINVESEAN MODEL KERJA BERSAMA POLA LILIN DENTUR

1. Disinfeksikan pola lilin dentur selepas peringkat percubaan.
2. Susunkan gigi yang telah diubah semasa percubaan (jika ada) serta membuat pelilinan pada kawasan yang perlu.
3. Pengapkan semua pinggir periferi pola lilin dentur dengan lilin.
4. Keluarkan model kerja dari artikulator.
5. Sapukan vaselin pada bahagian model kerja serta bahagian dalam kelalang.
6. Bancuhkan bahan inves (100% kapur paris).
7. Benamkan model kerja ke dalam bancuhan di dalam kelalang yang rendah dan inves model.
8. Landaikan bahan inves sebegini terset sepenuhnya dan licinkannya dengan kertas pasir.
9. Sapukan bahantara pengasing (vaselin) pada permukaan bahan inves yang terset.
10. Bancuhkan kapur paris dengan batu tiruan dalam nisbah 50:50 dan letakkan sedikit pada permukaan pola lilin dentur yang telah diinvestasikan dan isikan bancuhan ke kelalang bersebelahan sampai penuh.
11. Satukan Kedua-dua belah kelalang dan tekan di bawah penekan meja.
12. Biarkan bancuhan terset.

Nama Dokumen: Arahan Kerja Pembuatan Dentur Penuh
No. Dokumen: AK/PP/12
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuatkuasa: 16/10/2009

PENYAHLILINAN

1. Keluarkan kelalang berkenaan dan rendamkan dalam air panas selama 5 - 10 minit (indikasi: terlihat minyak lilin terkeluar dari celah-celah kelaian).
2. Buka kedua-dua kelalang dengan perlahan-lahan.
3. Bersihkan lilin dengan pancutan air panas kepada semua permukaan bahan investasi (acuan).
4. Sapukan kedua-dua belah acuan dengan bahantara pengasing. (biarkan bahantara pengasing kering).

PENGISIAN AKRILIK

1. Bancuhkan polimer dengan monomer mengikut nisbah yang ditetapkan oleh pengilang. Masukkan polimer ke dalam monomer sedikit demi sedikit sehingga ianya menjadi tepu.
2. Gaulkan / kacaukan bancuhan hingga granul-granul polimer sebatu dengan monomer.
3. Tutupkan mangkuk pijar sehingga adunan mencapai doh.
4. Padatkan adunan akrilik ke dalam acuan dengan plastik selofen. (pemadatan percubaan)
5. Keluarkan plastik selofen, pemadatan sebenar dilakukan.
5. Cantumkan/satukan kedua-dua kelalang perlahan-lahan di bawah penekan meja sehingga rapat.
6. Ubahkan kelalang tersebut ke pengapit 'spring' untuk proses pempolimeran.

PENYAH KELALANGAN

1. Pastikan kelaian disejukkan sebelum dipenyahkelalkan. Penyahkelalkan dilakukan ketika masih panas boleh menyebabkan berlaku keledingan pada akrilik.
2. Keluarkan bahan investasi dalam bentuk bongkah dengan cara mengetuk bahagian tepi kelalang dengan penukul kayu. Bongkah yang telah dikeluarkan dipotong dengan pemotong pincer atau digegajikan sehingga kecil tanpa merosakan permukaan dentur.
3. Semasa penyahkelalangan elakan model dari dipecahkan supaya laluan masuk dan kepadanan dentur dapat diuji semasa kerja-kerja pemangkasan dan pembetulan gigitan terangkat (jika perlu).
4. Semasa mengasingkan akrilik dengan model kerja, sisipkan pisau lilin ke dalam alur-alur dan diumbil sedikit demi sedikit untuk mengelakkan akrilik terfraktur.

Nama Dokumen: Arahan Kerja Pembuatan Dentur Penuh
No. Dokumen: AK/PP/12
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuatkuasa: 16/10/2009

5. Untuk memudahkan kerja-kerja penyingkiran bahan inves pada permukaan padanan dentur, rendamkan dentur tersebut ke dalam air sabun sehingga bahan inves menjadi lembut dan mudah ditanggalkan.

PEMANGKASAN DENTUR AKRILIK

1. Bahagian akrilik yang kasar/tajam atau tebal perlu dipangkas, diratakan dan dilicinkan dengan kertas pasir yang harus..
2. Semua periferi akrilik dentur perlu dibulatkan dengan sempurna supaya tidak mengiritasi tisu mulut.
3. Periferi dentur perlu rapat pada sulkus.
4. Sempadan posterior dentur maksila mestilah dilandaikan manakala periferi flanj lingual mestilah mencuram dan licin tanpa mengganggu lidah.
5. Frenum labial, lingual serta otot-otot bukal hendaklah dilegakan secukupnya.
6. Elakkan memangkas permukaan padanan dentur supaya kepadanannya terpelihara.
7. Ketebalan plat landas hendaklah setebal 1-2mm.

Disediakan oleh: En.Nor Azri Abdul Rahim; t/t:
Disemak oleh 1: En.Mohan A/L M.Bala; t/t:
Disemak oleh 2: Dr.Ahmad Termizi Zamzuri; t/t:
Diluluskan oleh: Dr.Hasenah Mod Zaki, Pengarah; t/t: